

**KEFAHAMAN GURU TENTANG KONSEP DAN
STRATEGI PENGAJARAN KOMPONEN
KESUSASTERAAN MELAYU
DALAM MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU**

THAHIR BIN NURUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006

**KEFAHAMAN GURU TENTANG KONSEP DAN
STRATEGI PENGAJARAN KOMPONEN
KESUSASTERAAN MELAYU
DALAM MATA PELAJARAN
BAHASA MELAYU**

THAHIR BIN NURUDDIN

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

2 APRIL 2006

.....
THAHIR BIN NURUDDIN
20041000192

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Idris bin Mohd.Radzi yang telah sudi menjadi penyelia saya dan dengan sabar memberi tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan sehingga terhasilnya laporan projek ini.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi kemudahan dan membiayai saya mengikuti kursus Ssrjana Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ucapan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak yang telah membenarkan saya membuat kajian di sebelas buah sekolah di daerah Larut Matang dan Selama. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengetua, Penolong Kanan dan guru-guru Bahasa Melayu serta rakan-rakan yang turut memberi kerjasama dalam usaha menjayakan kajian ini.

Tidak ketinggalan diucapkan terima kasih kepada Pegawai dan Kakitangan Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Dasar Pendidikan, Putrajaya (EPRD), dan Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBBM).

Istimewa sekali penghargaan kepada isteri saya, Nor Faridatul Akmar bt Hamid yang menjadi pendorong utama dan penyubur harapan serta kepada anak-anak saya; Umi Nadia, Muhammad Farhan, Muhammad Luqman, Nur Atikah dan Alyaa Maisarah yang begitu memahami dan bertimbang rasa. Tidak lupa juga saya tujukan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan keluarga yang telah memberi galakan serta sokongan. Dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan hidayah-Nya saya dapat menyempurnakan disertasi ini.

THAHIR BIN NURUDDIN
PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU
UPSI 2004/2006

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pemahaman guru tentang konsep dan strategi pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Komsas) di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Larut, Matang dan Selama. Kajian ini melibatkan 100 orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu. Daripada jumlah responden tersebut, 50 orang adalah guru-guru yang mengajar di peringkat menengah rendah. Sementara 50 orang lagi mengajar di peringkat menengah atas. Responden terdiri daripada 21 orang guru lelaki dan 79 orang guru perempuan. Satu soal selidik yang berkaitan pemahaman guru tentang konsep dan strategi pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ditadbir bagi memperoleh data. Analisis deskriptif, min dan sisihan piawai digunakan untuk melihat tahap pemahaman guru tentang konsep dan strategi pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Manakala analisis statistik inferensi yang meliputi ujian t dan kolerasi pearson digunakan untuk melihat hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman dalam kalangan guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tentang konsep dan strategi pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu agak tinggi. Namun begitu, masih terdapat guru-guru yang kurang faham tentang konsep, iaitu tidak mengetahui perbezaan antara Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu (Elektif). Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Edisi Penyesuaian) pula tidak memberi gambaran yang jelas dan ada yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang menerangkan Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat menggalakkan pelajar menghasilkan penulisan yang baik. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam merancang kemahiran bahasa dalam pengajaran. Manakala Pemahaman konsep pula mempunyai hubungan yang positif dengan strategi pengajaran, iaitu guru-guru yang memahami konsep secara tidak langsung akan mempengaruhi strategi pengajaran khususnya dalam melaksanakan pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

ABSTRACT

The objective of this research is to determine teacher's understanding of the concept and teaching strategies of the Malay Literature Component in the Malay Language subject. It was carried out in eleven secondary school in Larut, Matang and Selama district. The research includes hundred of teachers teaching the Malay Language subject. Out of the 100 respondents, 50 were lower secondary teachers and 50 were upper secondary teachers. The number of respondents according to gender are 21 male teachers and 79 female teachers. A survey was conducted to obtain data on teachers' understanding of the concept and teaching strategies of the Malay Literature Component in the Malay Language subject. Statistics analysis , descriptive, mean and standard division were utilized to examine the level of understanding of the concept and teaching strategies. In addition, inferential statistic analysis of " t test and Pearson Correlation" used to analyze the relationship between dependent variables and independent variables. The result of the survey indicated a high level of understanding among teachers' teaching the Malay Language subject with regards to concept and teaching strategies of the Malay Literature Component in the Malay Language subject. However, there is still a lack of understanding about the concept and difference between the Malay Literature Component in the Malay Language Subject and the Malay Literature (Elective Subject) among teachers. Furthermore, the Malay Language syllabus (Revised Edition) did not give a clear view on this, thus resulting in same disagreeing that the Malay Literature Component in the Malay Language subject could help students to produce good writing skill. As a result, there is a weakness in the planning of language skill in teaching. Finally, understanding the concept will foster a positive relationship in the teaching strategies, and teachers who understand the concept will utilize these in their strategies in teaching the subject.

KANDUNGAN

Muka surat

Halaman Judul	
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak dalam Bahasa Melayu	v
Abstrak dalam Bahasa Inggeris	vii
Kandungan	ix
Senarai Judul	xv
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Falsafah Pengajaran Sastera Dalam Bahasa Melayu 5
1.3	Konsep dan Objektif KOMSAS 6
1.4	Batas Pengajaran KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu 9
1.5	Bentuk Latihan Pengajaran KOMSAS 10
1.6	Pernyataan Masalah 11
1.7	Rasional Kajian 13
1.8	Objektif Kajian 15
1.9	Hipotesis Kajian 15
1.10	Kepentingan Kajian 19
1.11	Batasan Kajian 19

1.12	Definisi Operasional	19
1.12.1	Kefahaman	19
1.12.2	KOMSAS Dalam Pengajaran Bahasa Melayu	20
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Perspektif Guru Tentang KOMSAS	23
2.3	Kajian Tentang Pendekatan, Strategi dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS	25
2.4	Teori Pendidikan Holistik Dalam Komsas	34
2.4.1	Teori Potensi Manusia menurut Model Kurikulum Integratif Fogarty Dalam Komsas	37
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Sampel Kajian	42
3.4	Alat Kajian	43
3.4.1	Soal Selidik	43
3.4.2	Kesahan Soal Selidik	45
3.4.3	Kajian Rintis	46
3.4.4	Kebolehpercayaan Soal Selidik	46
3.5	Prosedur Kajian	48
3.5.1	Kajian Sebenar	4

3.6	Penganalisan Data	50
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	52
4.2	Latar Belakang Sampel Kajian	53
4.3	Dapatan Kajian	58
4.3.1	Analisis Kekerapan dan Peratusan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	58
4.3.2	Analisis Kekerapan dan Peratusan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	61
4.3.3	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Latar Belakang Responden	64
(a)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina Responden	64
(b)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Bidang Pengkhususan Utama Responden	66
(c)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas Responden	68

(d)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Berkursus Responden	70
(e)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Tingkatan yang Diajar Responden	72
(f)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	73
(g)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Akademik Berdasarkan Ujian Anova	75
4.3.4	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Latar Belakang Responden	77
(a)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina Responden	78
(b)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Bidang Pengkhususan Utama	80
(c)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas Responden	82

(d)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Berkursus Responden	83
(e)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Tingkatan Diajar Responden	85
(f)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	87
(g)	Perbezaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Akademik Responden Berdasarkan Ujian Anova	89
4.4	Hubungan Pemahaman Guru Tentang Konsep Dengan Pemahaman Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	90
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Perbincangan	93
5.2.1	Kefahaman Tentang Konsep dan Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	93
5.2.2	Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	96

5.2.3	Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	98
5.2.4	Perhubungan Antara Kefahaman Konsep dan Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	100
5.2.5	Perbezaan Kefahaman Guru Tentang Konsep dan Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Latar Belakang Guru	100
5.3	Kesimpulan	103
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	104
RUJUKAN		
LAMPIRAN A		
LAMPIRAN B		

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Taburan Responden Mengikut Jantina, Tingkatan Yang Diajar dan Pengalaman Mengajar.	43
3.2 Taburan Item Bagi Soal Selidik	44
3.3 Subskala Soal Selidik Dan Taburan Item	45
3.4 Skala Pemeringkatan 4 Mata	45
3.5 Nilai “Cronbach’s Alpha” Soal Selidik Yang Diuji	48
3.6 Nilai “Cronbach’s Alpha” Soal Selidik Kajian Sebenar	50
4.1 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina	53
4.2 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Kelulusan Akademik	54
4.3 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Pengkhususan	54
4.4 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Kelulusan Ikhtisas	55
4.5 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Kursus Komsas	55
4.6 Taburan Kekerapan dan Peratusan Tempoh Mengikuti Kursus	56
4.7 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Tingkatan Diajar	57
4.8 Taburan Kekerapan dan Peratusan Mengikut Pengalaman Mengajar	57
4.9 Taburan Kekerapan , Peratusan dan Min Berdasarkan Pemahaman Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	59

4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Berdasarkan 7 Item Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	62
4.11	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina	65
4.12	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Bidang Pengkhususan Utama Responden	66
4.13	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas	68
4.14	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman berkursus	70
4.15	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Tingkatan Yang Diajar	72
4.16	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	74
4.17	Dapatan Ujian Anova Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Konsep Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Akademik	76
4.18	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Jantina	78

4.19	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Bidang Pengkhususan Utama	80
4.20	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan Ikhtisas	82
4.21	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Berkursus	84
4.22	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Tingkatan Diajar	86
4.23	Dapatan Ujian t Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	87
4.24	Dapatan Ujian Anova Berkenaan Pemahaman Guru Tentang Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kelayakan akademik	89
4.25	Matriks Kolerasi Antara Pemahaman Guru Tentang Konsep Dengan Pemahaman Strategi Pengajaran Komsas Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	91

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Komponen Kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah yang dilaksanakan secara berperingkat mulai Mac 2000 bagi tingkatan satu dan empat, tahun 2001 untuk tingkatan dua dan lima serta tahun 2002 bagi tingkatan tiga sebenarnya bukanlah merupakan sesuatu yang baharu, malah merupakan lanjutan daripada unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperkenalkan pada tahun 1984. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) (1999), perkara ini berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bilangan 17/1988 bertarikh 24 November 1988 bertajuk “Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa untuk mata pelajaran Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi kelas Peralihan, Tingkatan I dan Tingkatan II mulai tahun 1989”. Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia KBSM (1988) menyatakan bahawa:

“ Unsur sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah meliputi bahan sastera yang berbentuk novel, cerpen, cerita klasik, drama, sajak, puisi lama dan bahasa berirama. Pengajaran sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu diperuntukkan satu waktu dalam seminggu ”

(Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia KBSM: 1988)

Walau bagaimanapun, menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1999) didapati pelaksanaannya kurang berkesan. Pelaksanaannya kurang berkesan kerana tidak ada satu teks wajib yang ditetapkan. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1999) lagi, dalam Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan pada 10 Mac 1999, menyatakan ;

“ ... dikaji semula cadangan supaya pelajar disediakan buku yang mengandungi sejumlah petikan dari novel-novel terpilih ”
(PPK : 1999)

Mesyuarat yang sama pada 17 Mac 1999 menyatakan bahawa :

“ satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengenal pasti dan mengkaji novel-novel yang sesuai. Perakuan daripada jawatankuasa dijangka akan diterima pada Mei 1999. Sekiranya semua berjalan lancar, dijangkakan pada tahun 2000 pengajaran Kesusasteraan Bahasa Melayu akan dilaksanakan ”
(PPK : 1999)

Oleh itu , Komponen Kesusasteraan Melayu dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dicadangkan untuk membolehkan pelajar lebih berminat untuk membaca bahan-bahan sastera, menikmati dan mengapresiasi karya sastera, mengetahui penulis dan sejarah perkembangan sastera tanah air dan mengukuhkan kemahiran berbahasa pelajar dari segi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis (PPK : 1999).

Menurut Abdul Hamid Mahmood (2002), langkah menjadikan komponen sastra ini komponen wajib dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu merupakan langkah yang wajar kerana dapat menarik minat pelajar terhadap pembacaan bahan sastra. Di samping itu, pelajar dapat mengenali penulis dan mengetahui perkembangan ringkas sastra tanah air berdasarkan karya yang telah dipilih. Pelaksanaan komponen ini juga bertujuan supaya pelajar dapat menilai dan mengulas karya sastra serta mendapat pengajaran daripada karya yang dibaca.

Menurut Rahman Saari (1990), terdapat dua sebab mengapa kesusasteraan Melayu perlu diajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pertama, bahan kesusasteraan Melayu menggunakan bahan sastra yang terbaik. Jika bahan yang dipilih itu berupa karya atau sebahagian daripada karya kesusasteraan yang bermutu, maka bahasanya tetap menarik terutamanya daripada sudut keindahannya. Kedua, bahan kesusasteraan memiliki daya tarikan yang dapat menimbulkan minat untuk membacanya dan daya tarikan ini berpunca daripada sifat karya kesusasteraan yang selalunya memiliki ciri-ciri menghibur.

Knapton dan Evans (1967) menekankan bahawa pendedahan kepada pelbagai jenis bahan kesusasteraan dapat meluaskan perbendaharaan kata pelajar, membaiki kelemahan bertutur dan menulis mereka. Ia dapat memupuk daya imaginatif mereka di samping menghibur. Namun, manfaat terbesar daripada sesuatu karya kesusasteraan ialah ia membekalkan pengalaman estetik yang akan membawa pengaruh positif terhadap penerimanya.

Penggunaan bahan kesusasteraan juga dapat menolong menanam nilai-nilai murni pada diri pelajar yang sedang di alam keremajaan. Pengalaman estetik yang ditimbulkan daripada pembacaan sesebuah karya kesusasteraan umpamanya novel, boleh digunakan untuk merangsangkan pemikiran kritis tentang persoalan dan isu moral. Pemikiran kritis ini boleh membantu mengembangkan sifat-sifat keperibadian yang diinginkan. Seterusnya membantu membentuk individu yang matang dan rasional dalam fikiran dan tindakan serta rela berbakti kepada masyarakat dan negara.

Penggunaan bahan-bahan kesusasteraan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu juga membolehkan guru-guru menyerapkan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat tempatan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar menguasai laras dan gaya bahasa yang terdapat dalam bahan itu. (Kementerian Pendidikan Malaysia,1990)

Keberkesanan pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini berkait rapat dengan guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri. Guru-guru perlu memahami konsep Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu terlebih dahulu. Ini penting supaya guru-guru dapat menafsir sukatan pelajaran dengan tepat dan seterusnya pengajaran yang betul. Menurut Osman Alauddin (1995) ramai guru sukar merancang dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan kerana kurang jelas tentang konsep sastra dalam pengajaran bahasa.

Haris (1991) pula berpendapat bahawa faktor guru dalam pelaksanaan apa jua program atau kurikulum perlu diberi perhatian khas kerana kejayaan atau kegagalan

sesuatu program atau kurikulum itu banyak bergantung kepada guru. Menurut Ishak Harun (1989) pula, guru merupakan salah satu faktor utama selain sukatan pelajaran, bahan-bahan dan aktiviti tambahan dalam menghasilkan keberkesanan kepada pelajar-pelajar. Justeru, kajian ini cuba memberi tumpuan kepada pemahaman guru tentang konsep dan strategi pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

1.2 Falsafah Pengajaran Sastera dalam Bahasa Melayu

Pengajaran sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dirancang berlandaskan falsafah yang ada kaitannya dengan keperluan dan kesesuaian penerapan ilmu kesusasteraan. Hal ini seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara, iaitu mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, di samping memupuk kesedaran terhadap nilai dan estetika bahasa yang terkandung dalam sesebuah karya. Selain itu, falsafah pengajaran sastera juga membolehkan pelajar menguruskan emosi sendiri, mengehadkan perkembangan emosi negatif dan mengendalikan hubungan dengan orang lain serta mewujudkan perasaan empati.

Karya sastera yang meliputi pelbagai genre bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 menerapkan pelbagai tema, termasuklah kisah kesepaduan hidup bermasyarakat, keamanan negara, pemeliharaan alam sekitar dan sebagainya. Menurut Chew (2002), kesemua cerita yang disajikan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan dan sahsiah pelajar. Memang diyakini bahawa kajian terhadap sastera benar-benar dapat memberikan pedoman penting bagi masyarakat maju yang menghadapi pelbagai kemelut. Kenyataan ini memberikan pengertian bahawa sastera

benar-benar memberikan manfaat bagi kehidupan manusia, malah sastera tidak dapat lepas daripada kehidupan manusia.

Salah satu falsafah di sebalik pengajaran sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah pelajar dapat mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa melalui pelbagai aktiviti. Seterusnya penguasaan pelbagai kemahiran ini dapat dipertingkatkan dengan penyerapan bahan serta maklumat sastera serta meningkatkan kemahiran lisan, bacaan dan penulisan. Falsafah yang tersirat melalui pelaksanaan Komsas juga dapat melahirkan pelajar yang boleh menghasilkan pelbagai karya prosa dan karya puisi.

Jelaslah, langkah mewajibkan penggunaan karya sastera sebagai komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat menambah minat pelajar untuk membaca karya sastera, menikmati, menghayati dan mengapresiasi karya sastera. Dan, yang lebih utama dapat mengukuhkan lagi kemahiran berbahasa pelajar dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Karya sastera dapat membuka minda pelajar kepada sesuatu yang baru dalam pelbagai disiplin ilmu tentang manusia dan kemanusiaan.

1.3 Konsep dan Objektif pengajaran dan pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1999), konsep Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah seperti yang berikut ;

- a) Komponen Kesusasteraan Melayu memberi penekanan kepada lima genre, iaitu puisi, prosa klasik, cerpen, novel dan drama. Pelbagai aspek kemahiran sastera akan diperkenalkan kepada pelajar;
- b) Walau bagaimanapun, aras kesukaran bahan lebih rendah daripada bahan yang dikaji dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (Elektif) Tingkatan IV dan V,
- c) Begitu juga aspek karya yang terdapat dalam Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah tidak dianalisis secara terperinci seperti mengkaji karya dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Elektif Tingkatan 4 dan 5, dan
- d) Unsur sastera yang sedia ada dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diterapkan dalam komponen kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

(1999 : 2)

Manakala objektif pengajaran dan pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk membolehkan pelajar:

- a) Meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional;.

- b) Mengetahui dan menggunakan istilah sastra, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar, plot, sudut pandangan, nilai-nilai murni dan pengajaran;
- c) Mengetahui, menghayati dan menghargai karya sastra bagi mengukuhkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis;
- d) Mengetahui nama pengarang berdasarkan karya yang telah diperakui seperti pengarang Sasterawan Negara;
- e) Mendapat nilai murni dan pengajaran daripada karya sastra yang dibaca;
- f) Menghasilkan karya sastra yang kreatif seperti dapat menghasilkan novel, cerpen dan drama yang bermutu tinggi dan boleh dibanggakan;
- g) Mengetahui perkembangan ringkas sastra tanah air berdasarkan karya diperakui; dan
- h) Menilai secara umum tentang karya sastra yang diperakui.

(1999 : 3)